

28 AUG 1998

Mahathir-Sarawak

UMNO KE SARAWAK HANYA JIKA RAKYAT SEDIA TERIMA, KATA PM

KUCHING, 28 Ogos (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata Umno hanya akan mengembangkan sayapnya ke Sarawak apabila rakyat negeri itu bersedia untuk menerimanya.

Umno tidak mahu dianggap sebagai "menceroboh" dan tidak berniat untuk datang ke Sarawak dan mula bertelagah dengan parti-parti komponen Barisan Nasional yang lain, katanya pada persidangan berita selepas merasmikan konvensyen Parti Pesaka Bumiputera Bersatu (PBB) di Santubong dekat sini.

Beliau berkata walaupun wujud hubungan perkongsian yang baik antara Umno dan PBB, kemasukan Umno ke Sarawak masih bergantung kepada hasrat majoriti rakyat di negeri ini.

"Kita kena ingat PBB ialah percantuman antara Pesaka (sayap Dayak) dan Bumiputera (sayap Melayu). Idea untuk bekerja bersama-sama itu bukan satu perkara baru dan ia merupakan asas kewujudan PBB sejak mula lagi," kata beliau.

Apabila ditanya tidakkah aneh bagi Umno untuk mempunyai bahagian dan cawangan di semua negeri melainkan Sarawak, beliau berkata ia tidak boleh dilihat daripada sudut itu.

"Aneh atau tidak, kita bekerja mengikut keperluan. Kita tak ada pendekatan indoktrinasi, mesti ada di sini. Itu bukan cara Umno bekerja," kata beliau.

Mengenai sama ada Umno memerlukan persetujuan parti-parti lain dalam BN bagi kemasukannya di Sarawak, beliau berkata ia tidak perlu kerana apa yang Umno buat, parti-parti BN lain selalunya tidak masuk campur.

Beliau diminta mengulas kenyataannya sebelum itu semasa merasmikan konvensyen PBB bahawa Umno mahu bekerjasama dengan PBB supaya tidak ada perpecahan dalam BN dan kuasa Bumiputera tidak terjejas.

Beliau berkata konsep kerjasama yang diamalkan dalam BN sering menjadi contoh kepada negara lain untuk mentadbir negara mereka.

"Ada orang tanya saya bagaimana BN yang mempunyai 14 komponen berjaya mentadbir Malaysia sedangkan di negara lain yang hanya mempunyai dua suku kaum sentiasa berperang sesama sendiri," katanya.

Katanya BN mahu tentukan ia menjadi satu kerjasama politik yang kuat kerana kalau tidak, ia terdedah kepada bahaya.

BN mengamalkan pendirian sederhana dengan tidak ada cita-cita besar untuk menakluki sesiapa, kata beliau.

Sebagai contoh, katanya, sekalipun Umno sebagai tulang belakang BN, ia tidak mempunyai kerusi lebih 50 peratus dalam pilihan raya kecuali apabila Umno memasuki Sabah di mana ia mempunyai lebih sedikit daripada 50 peratus.

Dr Mahathir berkata sekalipun Umno menang kesemua kerusi itu, ia tidak dapat memerintah dengan sendirinya.

Konsep BN ialah lebih baik mendapat 50 peratus daripada 100 peratus berbanding daripada tidak mendapat apa-apa.

Beliau berkata Malaysia sebagai sebuah negara membangun perlu mempunyai sebuah kerajaan yang kuat untuk melaksanakan pelbagai pembangunan demi kesejahteraan rakyat.

Dr Mahathir berkata rakyat Malaysia harus bersyukur kerana tinggal dalam sebuah negara yang makmur dan kerana itu, mereka harus mengekalkan perpaduan.

Katanya negara mempunyai banyak peluang untuk merapatkan hubungan dan terus mengekalkan identiti masing-masing walaupun ia nampaknya seperti ada pertentangan.

Banyak masyarakat di negara lain yang dipisahkan kerana polemik yang kecil tetapi menyebabkan perbalahan yang besar sehingga sanggup bunuh-membunuh sesama sendiri seperti di Rwanda.

Dr Mahathir juga meminta rakyat Malaysia supaya mengenang sentiasa pemimpin yang lalu yang dapat menanam bibit perpaduan negara ini.

"Sekalipun negara mempunyai wawasan yang cukup jauh, pemimpin masa dulu juga mempunyai wawasan yang cukup jauh juga dalam membawa kerjasama politik di antara penduduk pelbagai kaum," katanya.

-- BERNAMA

OPP AKD